

TANZARIL TABLET 50MG

Losartan Potassium 50mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tanzaril
2. Bagaimana Tanzaril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tanzaril
4. Cara menggunakan Tanzaril
5. Semasa menggunakan Tanzaril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tanzaril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Tanzaril

Tanzaril digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi dan mengurangkan risiko strok pada pesakit tekanan darah tinggi dan penebalan dinding ventrikel kiri di jantung. Tanzaril juga untuk rawatan penyakit buah pinggang bagi pesakit diabetes jenis 2 dan pesakit yang pernah mempunyai tekanan darah tinggi..

2. Bagaimana Tanzaril berfungsi

Tanzaril tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai reseptor angiotensin II antagonis. Ia berfungsi dengan mengendurkan saluran darah dan mengurangkan tekanan darah anda.

3. Sebelum menggunakan Tanzaril

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Tanzaril jika anda:

- Alah terhadap mana-mana bahan kandungan ubat ini
- Menghamil atau sedang menyusu bayi

- Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda mempunyai atau pernah mempunyai masalah kesihatan atau alahan
- Anda merancang untuk menghamil atau menyusukan bayi
- Anda menghadapi penyakit buah pinggang
- Anda baru-baru ini mengalami loya atau muntah

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Tanzaril boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Ubat tekanan darah
- Rifampin, antibiotik yang digunakan untuk rawatan tuberculosi
- Fluconazole, antibiotik untuk merawat jangkitan kulat
- Tablet diuretik, juga dikenali sebagai tablet air atau cecair, termasuk *potassium-sparing* diuretik
- Suplemen potassium atau pengganti garam yang mengandungi potassium
- Ubat digunakan untuk meringankan kesakitan, bengkak dan simptom keradangan

4. Cara menggunakan Tanzaril

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu anda berapa banyak tablet anda perlu mengambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil ubat-ubatan lain. Hanya ambil Tanzaril seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Tanzaril boleh digunakan dengan atau tanpa makanan. Ambil Tanzaril pada waktu yang sama setiap hari. Mengambil tablet anda pada waktu yang sama setiap hari akan membawa kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda ingat waktu untuk mengambil tablet.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom pengambilan terlebih dos adalah tekanan darah rendah dan denyutan nadi cepat; denyutan nadi lambat boleh berlaku dari rangsangan parasimpatetik (vagal). Jika hipotensi berlaku, rawatan sokongan patut diberikan oleh doktor.

5. Semasa menggunakan Tanzaril

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Tanzaril.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Tanzaril dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika angioedema (bengkak muka, bibir, pharynx dan/ atau lidah) berlaku, hentikan ubat ini dan hubungi doktor anda dengan segera.

Penghamilan dan Penyusuan

Penggunaan Tanzaril semasa anda hamil atau menyusukan adalah tidak dicadangkan. Jika anda hamil atau menjadi hamil semasa mengambil Tanzaril, berhenti mengambil Tanzaril dan beritahu kepada doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin.

Memandu dan menggunakan jentera

Memandu atau mengendalikan jentera dengan berhati-hati sehingga anda tahu bagaimana Tanzaril memberi kesan kepada anda. Seperti ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, Tanzaril boleh menyebabkan pening pada sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap Tanzaril sebelum anda memandu kereta, mengendalikan jentera, atau melakukan apa-apa yang boleh membahayakan jika anda pening. Jika anda minum alkohol, kepeningan mungkin menjadi lebih teruk.

6. Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Tanzaril boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan Tanzaril adalah pening dan ruam.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Permantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tanzaril

- Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C dan lindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

White, oval shape with SMC engraved on one side and "50" with break line on the other side of film coated tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi losartan potassium 50mg.

- Bahan tidak aktif:

Lactose, Microcrystalline Cellulose, Povidone K30, Magnesium Stearate, Purified Water, Opadry White

- Nombor MAL

MAL10100030A

9. Pengilang

Silom Medical Co., Ltd.
27/2 Phayathai Road, Bangkok 10400,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

MILRIN PHARMACEUTICAL CO.
(M) SDN. BHD.
125L, 5th Floor, Wisma Getah,
Macalister Road, 10400 Penang,
Malaysia.
Tel: 04-2286042, 2286741, 2288644
Fax: 04-2280757

10. Tarikh kemaskini RiMUP

21/8/2014